



Lembaga Minyak Sawit Malaysia
MALAYSIAN PALM OIL BOARD (MPOB)

Bil. Tuan / Your Ref.:

Bil. Kami / Our Ref. (I)04/C/P/NKD/656/2/Jil.2/2007

HARI BERTEMU PELANGGAN
SETIAP JUMAAT MINGGU KE-3 SETIAP BULAN
Tempat: Tingkat 4, Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan
Wisma Sawit, MPOB Kelana Jaya
Masa: 9.00 pagi - 12.00 tgh. &
3.00 ptg. - 4.00 ptg.

30 Januari 2007

Pk (EL) MPOB 01/2007

Semua Pemegang Lesen Kategori Makmal

Tuan

TAMBAHAN SYARAT LESEN YANG DIKENAKAN KE ATAS KATEGORI MAKMAL

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana yang pihak tuan sedia maklum, Peraturan-peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 telah diwartakan dan dikuatkuasakan pada 1 Januari 2006. Penguatkuasaan peraturan ini adalah termasuk syarat lesen yang dikenakan ke atas setiap kategori yang dinyatakan dalam lesen sebagaimana Jadual Keenam, Peraturan 21 peraturan yang sama.

3. Satu majlis dialog telah diadakan bersama industri dan pemegang lesen kategori makmal pada 15 Mac 2005 untuk membincangkan cadangan tambahan syarat lesen di mana pemegang lesen kategori makmal dikehendaki memiliki sijil Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SMM). Hasil daripada dialog tersebut, telah dipersetujui pemegang lesen diberi tempoh sehingga 31 Mac 2007 untuk memperolehi pengiktirafan atau pensijilan SMM.

4. Susulan daripada itu, Mesyuarat Lembaga kali ke-41 telah memutuskan untuk menambah syarat yang dikenakan ke atas lesen bagi aktiviti menguji keluaran kelapa sawit. Bersama-sama ini dilampirkan **Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 01/2007** yang memperincikan syarat tambahan tersebut.

5. Sehubungan dengan itu, pihak tuan dikehendaki mematuhi syarat tambahan tersebut dan syarat lesen yang telah ditetapkan sebagaimana Jadual Keenam, Peraturan 21 Peraturan-peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 untuk mengelakkan tindakan penguatkuasaan MPOB.

Sekian, terima kasih.

"MESRA, ADIL, TEGAS DAN AMANAH"

Yang benar,

DATO' DR MOHD BASRI WAHID
Ketua Pengarah
MPOB



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB**

Rujukan Pekeliling :Pk (EL) MPOB 01/2007
Tarikh Kuatkuasa :01 APRIL 2007
Perkara :**TAMBAHAN SYARAT LESEN YANG DIKENAKAN KE ATAS
KATEGORI MAKMAL**

1.0 TUJUAN

Untuk memaklumkan penguatkuasaan syarat tambahan ke atas lesen kategori makmal bagi aktiviti menguji keluaran kelapa sawit.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Pada 15 Mac 2005, satu majlis dialog telah diadakan bersama industri dan pemegang lesen kategori makmal untuk membincangkan cadangan tambahan syarat lesen di mana pemegang lesen kategori makmal dikehendaki memiliki sijil Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM). Hasil daripada dialog tersebut, telah dipersetujui pemegang lesen diberi tempoh masa selama dua (2) tahun iaitu sebelum 01 April 2007 untuk memperolehi pengiktirafan atau pensijilan SAMM.

2.2 Susulan daripada itu, Mesyuarat Lembaga kali ke-41 telah memutuskan untuk menambah syarat yang dikenakan ke atas lesen bagi aktiviti menguji keluaran kelapa sawit.

3.0 SYARAT LESEN KHUSUS

3.1 Pewartaan dan penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 [PPLMSM (Pelesenan)] pada 1 Januari 2006 telah memperincikan syarat am dan syarat-syarat bagi pemegang lesen dalam kategori makmal iaitu bagi aktiviti menguji keluaran kelapa sawit sebagaimana Jadual Keenam, Peraturan 21 peraturan yang sama.

3.2 Syarat sebagaimana Jadual Keenam, Peraturan 21 PPLMSM (Pelesenan) bagi pemegang lesen dalam kategori makmal iaitu bagi aktiviti menguji keluaran kelapa sawit adalah masih terpakai dengan tambahan syarat sebagaimana yang telah dipersetujui dan ditetapkan dalam Mesyuarat Lembaga kali ke-41.

3.3 Tambahan syarat lesen khusus adalah seperti berikut:

“ Pemegang lesen hendaklah memperolehi pengiktirafan atau pensijilan Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) dalam bidang analisis keluaran kelapa sawit bagi parameter-parameter yang terdapat dalam kontrak perdagangan tempatan atau antarabangsa yang dilaporkan dalam laporan pengujiannya”.

**JABATAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.
Telefon: 603-78035544 . Faks:603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpob.gov.my>



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB**

4.0 PEMAKAIAN

Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 01/2007 [Pk (EL) MPOB 01/2007] adalah terpakai kepada pemegang lesen kategori makmal.

5.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling penguatkuasaan ini berkuatkuasa mulai 01 April 2007.

6.0 PENGESAHAN & KELULUSAN

DATO' DR MOHD BASRI WAHID
Ketua Pengarah
MPOB

Tarikh: 17 Januari 2007